

## Pemangku PM dengan pos istimewa

SEKALI imbas, gambar Pemangku Perdana Menteri ini memang biasa, tetapi bila diteliti ternyata ia agak berlainan dan mengejutkan.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang menggenggam pistol terselindung di belakangnya bukan hendak memasuki pertandingan menembak atau menghadapi sebarang kemungkinan.

Beliau sebenarnya sedang bersiap sedia untuk melepaskan tembakan isyarat bagi memulakan perlumbaan jalan kaki tahunan Kelab Jabatan Perkhidmatan Awam di Kuala Lumpur, pagi semalam.

Gambar Berita Harian.